# Silat Gayung diperluas ke seluruh kawasan Asia

Oleh PENULIS KHAS

TIDAK seorangpun menduga seorang pemuda yang menghadapi hukuman bunuh 30 tahun lalu, muncul menjadi 'Raja silat Melayu' yang ulung di tanahair sekarang.

'Raja' silat Melayu itu ialah Dato Meor Abdul Rahman bin Daing Uda Hashim, mahaguru seni Silat Gayung Malaysia.

"Saya sendiripun tidak menduga dapat memimpin silat seperti sekarang," katanya ketika ditemui di Pusat Latihan Polis di sini baru-baru ini.

Beliau sedang melatih kira-kira 46 orang pelatih Silat Gayung dari seluruh cawangan Polis tersebut.

"Siapa menyangka saya boleh hidup," katanya memulakan cerita, "saya telah dihukum penjara dan kemudian dijatuhkan hukum gantung oleh pemerintah Jepun waktu itu."

## Pepatah

Tetapi, pepatah Melayu: Pantang mati sebelum ajal, benar-benar menjadi kenyataan.

"Tarikh hukumannya dua hari sahaja lagi, tiba-tiba saya dibebaskan," katanya sambil mengerut dahinya mengingatkan peristiwa menyayat itu.

Dato Meor percaya, selain dari ajalnya belum tiba, usaha keras keluarganya, terutama datuknya, Allahyarham Syed Zainal Syed Idris Alatas menyebabkan beliau dibebaskan.

"Peristiwa itu berlaku dalam tahun 1943, dan ia paling sukar dilupakan," kata mahaguru kepada 100,000 orang murid Silat Gayung seluruh Malaysia itu.

Menurutnya, ia ditangkap kerana disyaki menderhaka. Selain dari itu, kegiatannya mengembangkan silat di Singapura mencurigakan pemerintah Jepun waktu itu.

"Saya mula mengembangkan Silat Gayung di Pulau Sudung, Singapura, kira-kira dalam tahun 1942," ujarnya.

"Kerana kegiatan saya itulah, Jepun meradang dan menangkap saya," katanya seraya menjelaskan, "saya ditangkap serta dipenjarakan di Taiping."

Pendeknya, putera jati Perak yang sekarang berusia 58 tahun ini sudah mengalami berbagai bentuk cara hidup.

"Saya pernah jadi mata-mata gelap dan pernah pula menjadi penghulu di Pulau Sudung," katanya.

## Pengalaman

Dari pengalamannya yang bertali-tali itu, ditambah pula oleh pengetahuan silatnya yang cukup mendalam itulah, Dato Meor yang bersahabat karib dengan Tan Sri Sardon Jubir tahun 1942 itu, kini menjadi orang yang disegani.

Beliau bukan sahaja disegani di Perak, malah di seluruh Malaysia.

"Ramai pembesar negeri belajar dengan saya, antaranya termasuklah Tengku Laksemana Kedah, Tengku Kassim," terangnya.

Tengku Kassim, jelasnya, ialah orang yang mula-mula membawa Silat Gayung ke Kedah.

Menurutnya, Tengku Kassim dengan diperkenankan oleh Sultan Kedah, Tengku Badli Shah telah menjemput beliau di Singapura dan kemudiannya mengadakan pertunjukan di Kelab Sukan Sultan Abdul Hamid Kedah dalam tahun 1957.

"Saya dan rombongan seramai 43 orang yang terdiri dari pakar-pakar Silat Gayung telah menunjukan kecekapan masing-masing dihadapan ... Indonesia dulu," tegas Dato Meor.



Gambar kenang-kenangan Dato Meor (berkot) bersama Almarhum Sultan Badli Shah (tengah) dan kanan sekali Tengku Kassim dalam tahun 1957.

Dato Meor telah melawat Jepun, Australia, Hong Kong dan beberapa buah negara lain untuk memperkenalkan silatnya.

"Kami telah mengadakan pertunjukan khas di Expo 1970 di Osaka, Jepun," jelasnya, "sambutan orang Jepun amat menggalakkan."

Kerana jasanya itu, Dato Meor telah dianugerahkan pingat Datuk Cura Si Manjakini oleh Sultan Perak dalam tahun 1971.

Sultan Perak ialah, penaung Silat Gayung Malaysia yang bergelar Sang Purba Negara.

Sebelum pingat tersebut, Dato Meor pernah menerima anugerah King George Ke VI, bersama Dr. Munsi dari Singapura dalam tahun 1947.

Ketika diminta menerangkan usul-asal silatnya, Dato Meor berkata: "Silat ini ialah silat Melayu jati, berkembang sejak zaman kerajaan Melayu Melaka."

## Belajar

"Saya belajar silat dari Datuk Saya, Syed Zainal Syed Idris," katanya.

Silat ini, menurut-nya, mempunyai adat istiadat yang terpelihara rapi sejak turun temurun, dari Kerajaan Melayu Melaka masih gemilang oleh Kerajaan Perak sekarang. ...lah diwarisi oleh Kerajaan Perak ssekarang.

Beliau menafikan adanya cedukan dari berbagai ilmu mempertahankan diri seperti Judo dan Karate.

"Sekali lagi saya tegaskan, Silat Gayung ialah silat Melayu asli, saya jamin," katanya.

Sekarang, mahaguru untuk 100,000 orang murid ini bangga kerana cita-citanya ingin berbakti kepada negara sudah tercapai.

"Kami sedang membentuk Barisan Sabil pula untuk mempertahankan negara dari segala rupa ancaman," katanya sambil menambah, "barisan ini sedia berkhidmat bila-bila masa sahaja bila dikehendaki."

Mengenai silat-silat lain, Dato Meor menjelaskan, perkembangannya amat pesat dan ini membayangkan masa depan silat Melayu tidak akan pudar.

"Sebagai mahaguru Gayung, saya tidak sedikitpun berasa dengki," jelasnya.

Beliau berharap di

Berita Harian 7 OCT 1973